

**PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN SPM
NEGERI PERLIS**

**ANJURAN BERSAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI PERLIS
DAN
MAJLIS GURU CEMERLANG NEGERI PERLIS**

GEMPUR KECEMERLANGAN 2024

1249/1

SEJARAH

Kertas 1

September

1 jam

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA
DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A,B,C dan D.* Pilih satu jawapan yang terbaik bagi setiap soalan dan hitamkan ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

[*Lihat halaman sebelah*]

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D.

Pilih **satu** jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **hitamkan** ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

- 1 Apakah fungsi undang-undang dalam kerajaan Alam Melayu?
 - A Membentuk negara bangsa
 - B Memperaku pemerintahan raja
 - C Memperluas wilayah pengaruh
 - D Menjamin kesejahteraan kerajaan

- 2 Bagaimanakah golongan pembesar menjaga kebajikan rakyat di kawasan pegangan?
 - A Membina petempatan
 - B Memperkenalkan cukai
 - C Memelihara keamanan
 - D menguatkan pertahanan

- 3 Revolusi Keagungan tercetus semasa pemerintahan Raja James II. Mengapakah revolusi ini berlaku di England?
 - A Memperkukuhkan kedudukan raja
 - B Menegakkan kedaulatan parlimen
 - C Mengembalikan kuasa pembesar
 - D Memperjuangkan hak sama rata

- 4 Mengapakah Sultan Kedah, Sultan Abdullah Mukarram Shah menentang Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) pada abad ke 18?
 - A Mendapatkan Pulau Pinang
 - B Mengembalikan kuasa raja
 - C Menghapuskan amalan cukai
 - D Mengukuhkan sistem tentera

- 5 Antara berikut, yang manakah faktor tercetusnya Perang Dunia Pertama pada 1914 sehingga 1918?
 - I Pakatan ketenteraan
 - II Pembebasan tanah jajahan
 - III Pembentukan ideologi baharu
 - IV Persaingan kuasa imperialis
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 6 Gambar menunjukkan seorang askar Melayu yang telah berjuang menentang pendudukan Jepun di negara kita.



Koperal Yaakob Bidin

Mengapakah beliau dianugerahi pingat Military Medal?

- A Semangat keberanian
 - B Semangat kesetiaan
 - C Semangat kekitaan
 - D Semangat ketaatan
- 7 Bagaimanakah rakyat Tanah Melayu menentang Malayan Union?
- I Menghantar surat bantahan
 - II Membawa kes ke mahkamah
 - III Mengadakan Kongres Melayu
 - IV Menggunakan akhbar tempatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 8 Apakah faktor penyerahan Sabah kepada British?
- A Kelemahan pemerintah
 - B Permintaan penduduk
 - C Desakan pelabur
 - D Masalah kewangan
- 9 Antara berikut yang manakah wakil Raja-raja Melayu dalam Jawatankuasa Kerja penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- I Dato' Onn Jaafar
 - II Dato' Hamzah Abdullah
 - III Dato' Nik Ahmad Kamil Mahmud
 - IV Dato' Abdul Rahman Mohd Yassin
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

10 Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap orang Melayu?

- A Mengiktiraf kedudukan istimewa
- B Menguasai kegiatan ekonomi
- C Membuka peluang pekerjaan
- D Membentuk kerjasama kaum

11 Gambar berikut berkaitan pasukan keselamatan yang ditubuhkan untuk menangani ancaman komunis.



Sarawak Rangers (Iban Trackers)

Apakah tugas pasukan keselamatan tersebut?

- A Menyekat bekalan makanan
- B Mengawal kawasan lombong
- C Menjejak persembunyian komunis
- D Melindungi pergerakan penduduk

12 Mengapakah rakyat menderita sepanjang tempoh darurat di negara kita?

- A Sekatan ekonomi
- B Catuan makanan
- C Kawalan pergerakan
- D Halangan pekerjaan

13 Maklumat berikut berkaitan isu yang diketengahkan dalam penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (JHAK) di negara kita.

Orang Melayu tidak memperoleh peluang yang sama seperti kaum bukan Melayu dalam sektor perniagaan dan perusahaan

Bagaimanakah JHAK menyelesaikan isu tersebut?

- A Penubuhan RIDA
- B Penubuhan MADA
- C Penubuhan FELDA
- D Penubuhan FELCRA

- 14 Gambar berikut menunjukkan logo yang digunakan oleh Parti Perikatan pada tahun 1954.



Kapal layar

Mengapakah logo tersebut dipilih?

- A Kehebatan melantik pemimpin
 - B Kemampuan membentuk negara
 - C Kesediaan menempuh cabaran
 - D Kesedaran memerintah sendiri
- 15 Jadual berikut berkaitan keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955 yang ditubuhkan di negara kita.

Komposisi ahli MPP	Keanggotaan
52 orang	Ahli yang dipilih melalui pilihan raya
35 orang	Ahli lantikan mewakili kumpulan berkepentingan seperti keusahawanan, perlombongan, perindustrian dan pertanian
11 orang	Menteri Besar mewakili negeri
2 orang	Wakil Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang dan Melaka
Jumlah 100	

Apakah kesan penubuhan MPP tersebut terhadap pembentukan demokrasi?

- A Kemerdekaan negara disegerakan
 - B Kekuasaan British bertambah
 - C Kepelbagaian parti politik
 - D Kerajaan pimpinan rakyat
- 16 Apakah nilai kepimpinan yang ditunjukkan menerusi pembentukan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu?
- A Bertoleransi
 - B Berhemah
 - C Berdikari
 - D Berwibawa

- 17 Peristiwa berikut berkaitan dengan perjalanan rombongan kemerdekaan.

Tunku Abdul Rahman merancang perjalanan rombongan ke Karachi dengan menaiki kapal laut.

Mengapakah Tunku Abdul Rahman bertindak demikian?

- A Menjimatkan kos perjalanan
 - B Membuat perancangan strategi
 - C Merapatkan hubungan rombongan
 - D Menjamin keselamatan pelayaran
- 18 Apakah peranan rakyat dalam proses penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka?

- A Mendapat persetujuan raja
- B Menyokong isu perbincangan
- C Menjadi anggota suruhanjaya
- D Memberi cadangan memorandum

- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan pengertian kemerdekaan oleh seorang tokoh negarawan.

- Bebas selama-lamanya.
- Merangkumi kebebasan berfikir, bertindak daripada politik penindasan dan rejim autokratik

Siapakah tokoh yang tersebut?


- A Soekarno
 - B Mahatma Ghandi
 - C Tun Fuad Stephens
 - D Tun Dr. Mahathir Mohamad
- 20 Apakah sistem pemerintahan di negara kita yang memberi kuasa kepada rakyat untuk memilih pemimpin?
- A Sistem Monarki
 - B Prinsip Teokrasi
 - C Raja Berperlembagaan
 - D Demokrasi Berparlimen



- 21** Apakah ciri kedaulatan tradisional negara kita?
- A** Pemerintahan diketuai raja
 - B** Pengiktirafan kuasa imperialis
 - C** Pemilihan pemimpin tempatan
 - D** Pembahagian sempadan negeri
- 22** Antara berikut yang manakah peranan pemerintah dalam mewujudkan kestabilan politik di negara kita?
- A** Menubuhkan parti politik berlainan bangsa
 - B** Melibatkan golongan elit dalam pentadbiran
 - C** Mengagihkan kekayaan negara dengan adil
 - D** Mengamalkan pendidikan pelbagai aliran
- 23** Mengapakah Malaysia dianggap sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi?
- A** Mengadakan pilihan raya
 - B** Mengekalkan sistem beraja
 - C** Melakukan pengagihan kuasa
 - D** Menubuhkan kerajaan pusat
- 24** Bagaimanakah berlaku pemisahan Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965?
- A** Pengisytiharan raja
 - B** Persetujuan rakyat
 - C** Perbicaraan mahkamah
 - D** Pindaan perlembagaan
- 25** Antara berikut yang manakah berkaitan dengan Badan Kehakiman di Malaysia?
- I** Mentafsir undang-undang
 - II** Meminda undang-undang
 - III** Menggubal undang-undang
 - IV** Melaksanakan undang-undang
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

- 26 Apakah fungsi Majlis Raja-Raja selepas merdeka?
- A Melantik Perdana Menteri
 - B Mengetuai angkatan tentera
 - C Menjadi Lembaga Pengampunan
 - D Menasihati Pesuruhjaya Tinggi
- 27 Kerajaan Persekutuan menubuhkan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan pada tahun 1964.
Apakah tujuan penubuhan kementerian tersebut?
- A Menyediakan perumahan kos rendah
 - B Melaksanakan rancangan pembangunan tanah .
 - C Menggalakkan kegiatan pelancongan domestik
 - D Mewujudkan kawasan perindustrian ringan
- 28 ESSCOM diwujudkan untuk menambah baik aspek keselamatan dalam usaha mengembalikan semula ketenteraman.
Negeri manakah yang diberikan tumpuan?
- A Pulau Pinang
 - B Pahang
 - C Sabah
 - D Johor

- 29 Rajah berikut berkaitan dengan cadangan awal pembentukan Malaysia.



Siapakah tokoh X ?

- A Sir Malcolm MacDonald
 - B Sir Gerald Templer
 - C Sir Geofroy Tory
 - D Lord Brassey
- 30 Mengapakah Barisan Sosialis di Singapura menentang pembentukan Malaysia?
- A Bimbang pengaruh British dikekalkan
 - B Khawatir kehilangan sumber kekayaan
 - C Ingin mendapat kemerdekaan berasingan
 - D Anggap Malaysia sebagai penjajahan baharu

- 31** Apakah langkah serta merta yang diambil kerajaan bagi menghentikan peristiwa 13 Mei 1969?
- A** Melaksanakan pilihan raya
 - B** Mengukuhkan pertahanan
 - C** Mengisytiharkan darurat
 - D** Menganjurkan rundingan
- 32** Bagaimanakah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) mengawal ketenteraman negara?
- A** Menguatkuasa Akta Hasutan
 - B** Menubuhkan jawatankuasa khas
 - C** Menangkap pemimpin radikal
 - D** Mewujudkan Kampung Baru
- 33** Pembinaan negara Malaysia berasaskan perpaduan kaum. Antara berikut yang manakah berkaitan perpaduan?
- A** Berteraskan semangat kenegerian
 - B** Berlandaskan identiti kebangsaan
 - C** Berasaskan kepelbagaian kaum
 - D** Berpaksikan nilai keagamaan
- 34** Apakah matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan?
- I** Menyediakan tenaga kerja mahir
 - II** Mewujudkan sekolah pelbagai aliran
 - III** Mewajibkan pembelajaran dwi bahasa
 - IV** Menyatukan penduduk pelbagai kaum
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV
- 35** Apakah strategi kerajaan dalam membina kemakmuran negara pada tahun 1970-1990?
- A** Dasar Ekonomi Baru
 - B** Dasar Pandang ke Timur
 - C** Dasar Persyarikatan Malaysia
 - D** Dasar Kebudayaan Kebangsaan

- 36** Maklumat berikut merupakan tujuan kerajaan membangunkan kawasan Zon Perindustrian Bebas.

- Menarik kedatangan pelabur
- Merangsang ekonomi kawasan sekitar

Antara berikut yang manakah berkaitan dengan kawasan tersebut?

- A Memberikan pelepasan cukai
 - B Membangunkan industri berat
 - C Menyediakan tenaga buruh
 - D Memperkenalkan teknologi baru
- 37** Apakah faktor yang mempengaruhi pengubalan dasar luar Malaysia?

- I Ikatan sejarah
- II Hubungan serantau
- III Jumlah penduduk
- IV Keperluan pemimpin

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 38** Maklumat berikut berkaitan dengan deklarasi yang telah dipersetujui dalam kalangan anggota ASEAN.

- Diumumkan di Kuala Lumpur pada tahun 1971
- Dikemukakan oleh Malaysia dalam ASEAN
- Menjalinkan hubungan dengan China

Antara berikut yang manakah berkaitan dengan deklarasi tersebut?

- A Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear (SEANWFZ)
 - B Penubuhan Pusat Pendidikan Sains dan Matematik (RECSAM)
 - C Pengisytiharan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)
 - D Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO)
- 39** Bagaimanakah Malaysia mengatasi isu kempen antiminyak sawit?
- A Persidangan ASEAN-China
 - B Penubuhan Global Peace Mission
 - C Penggunaan Mahkamah Antarabangsa
 - D Pelaksanaan Good Agricultural Practices (GAP)

- 40** Malaysia dan Singapura bersetuju menjalankan penyelidikan untuk menangani isu jerebu di rantau Asia Tenggara.
Apakah bidang penyelidikan tersebut?
- A** Pemantauan isu kesihatan penduduk
 - B** Pencegahan kebakaran tanah gambut
 - C** Penguatkuasaan undang-undang alam sekitar
 - D** Pencerobohan terhadap hutan semula jadi

SOALAN TAMAT